



KERATAN AKHBAR

| | | | | | |
|--------------|---|------------------|------------|---|----|
| SURAT KHABAR | : | BERITA HARIAN | | | |
| TARIKH | : | 19/12/2019 | MUKA SURAT | : | 10 |
| JABATAN | : | JPSM | | | |
| KLASIFIKASI | : | PERHATIAN | | | |

Pihak berkuasa kena proaktif atasi bencana alam

Kita menyanjung tinggi teguran Sultan Perak Sultan Nazrin Shah yang bertitah bahawa gangguan keterlaluan manusia terhadap sifat semula jadi alam dan kerakusan menggunakan sumber itu untuk kepentingan perniagaan, antara punca peningkatan krisis bencana alam.

Teguran itu harus diambil serius oleh pihak berkuasa terutama pada peringkat negeri. Kita perhatikan kerana mengejar kekayaan, bukit bukau digondol, hutan ditebang sesuka hati oleh pembalok haram, sekali gus mendedahkan keadaan kepada bencana alam seperti tanah runtuh.

Yang lebih teruk lagi ialah apabila berlaku pencemaran sungai yang bukan sahaja membunuh kehidupan di sungai, malah berbahaya kepada kesihatan penduduk setempat. Ada sungai dipenuhi dengan botol plastik yang terapung.

Semua ini perlu diambil berat bukan sahaja oleh pihak berkuasa malah rakyat sendiri juga perlu bertanggungjawab untuk membantu memelihara khazanah alam dengan tidak menyumbang kepada pencemaran.